



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PROGRAM SEBERANG PERAI CYCLING DAY
2024**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**27 JANUARI 2024 (SABTU)
6.50 PAGI**

**KOMPLEKS SUKAN DAN REKREASI MBSP
JALAN BETEK
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat pagi dan Salam Sejahtera,

1. Bersama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenannya kita dapat berkumpul dalam **Program Seberang Perai “Cycling Day” 2024** di Kompleks Sukan dan Rekreasi MBSP, Jalan Betek, Seberang Perai Tengah anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Gooi Zi Sen, Exco Belia, Sukan dan Kesihatan Pulau Pinang yang sudi hadir untuk merasmikan dan seterusnya melepaskan peserta Kayuhan Basikal dalam **Program Seberang Perai “Cycling Day” 2024** ini.
3. Seberang Perai Cycling Day (SPCD) yang dianjurkan pada tahun ini adalah bertujuan untuk merancakkan lagi program merakyatkan MBSP bersama golongan sukan berbasikal.

4. MBSP sudah tidak asing lagi dengan sukan berbasikal di mana, pada tahun 2023, MBSP telah berjaya menganjurkan *Seberang Perai Fellowship Ride 2023* yang melibatkan penyertaan peserta dari pelusok Seberang Perai dan juga negeri-negeri berjiran.
5. Sehubungan itu, satu program baru berbasikal diadakan pada tahun 2024 ini dan ianya melibatkan aktiviti kayuhan santai bersama orang awam yang akan diadakan setiap bulan secara percuma. MBSP akan mengeluarkan jadual lokasi dan tarikh program dalam masa terdekat dan orang ramai yang berminat dengan sukan berbasikal boleh bersama-sama menyertai program ini.
6. Setiap peserta program ini akan dibekalkan minuman dan makanan pagi secara percuma selepas acara tamat dan tiada halangan kepada jenis basikal dan peringkat umur peserta.
7. Program Seberang Perai *Cycling Day* ini adalah bertujuan untuk memupuk budaya bersukan dan beriadah di kalangan penduduk Seberang Perai di samping memesrakan MBSP di mata orang awam. Selain itu, program ini juga akan berubah-ubah lokasi di seluruh Seberang Perai sekaligus membuka mata peserta pada tempat-tempat cantik dan menarik di Seberang Perai.

8. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, atas komitmen yang holistik yang menjadi intipati utama dalam penganjuran program ini.

9. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua *stakeholders* dan seluruh komuniti Seberang Perai kerana menyokong semua usaha MBSP selama ini. MBSP amat mengharapkan komitmen dan kerjasama yang berterusan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk penganjuran program yang bersifat *people-centric* sejajar dengan Penang2030 dan Hala Tuju Strategik MBSP. MBSP ingin terus menyuntik semangat untuk perkembangan dan pembangunan sukan berbasikal di Seberang Perai.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***